

- 1 Ilmu ekonomi mengkaji tentang bagaimana manusia
- A Menggunakan wang bagi meningkatkan tabungan masa depan
  - B Menyeimbangkan pelbagai kehendak dengan sumber ekonomi yang ada
  - C Mengurangkan jurang perbezaan antara golongan kaya dengan golongan miskin
  - D Menghasilkan keluaran dengan menggunakan faktor pengeluaran secara maksimum
- 2 Jadual 1 di bawah berkaitan dengan pengeluaran Syarikat Maimunah.

Teknik Pengeluaran	Sos Cili (botol)	Sos Tiram (botol)
W	0	100
X	20	80
Y	60	50
Z	80	20

Jadual 1

Apakah kos lepas jika Syarikat Maimunah menukarkan teknik pengeluaran daripada X ke Z?

- A 20 botol sos cili
  - B 40 botol sos cili
  - C 60 botol sos tiram
  - D 80 botol sos tiram
- 3 Pernyataan dibawah berkaitan dengan suatu masalah ekonomi

<i>Kerajaan bercadang untuk menangguhkan pelaksanaan projek pembinaan dua buah klinik kesihatan baharu yang bernilai RM 5 juta.</i>	
---	--

Mengapakah kerajaan berbuat demikian?

- A Kekurangan sumber ekonom
  - B Kekurangan hasil kerajaan
  - C Kekurangan modal
  - D Kekurangan wang
- 4 Maklumat dibawah berkaitan dengan masalah asas ekonomi.

Golongan kaya dapat membeli banyak barang jika dibandingkan dengan golongan miskin
--

Apakah masalah ekonomi yang telah diselesaikan?

- A Untuk siapa dikeluarkan
- B Apa yang hendak dikeluarkan
- C Bagaimana hendak dikeluarkan
- D Berapa yang hendak dikeluarkan


- 5 Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan ciri sistem ekonomi Islam
- I Kepentingan masyarakat lebih diutamakan
  - II Kebebasan pengguna dikawal oleh kerajaan
  - III Pengeluaran barang untuk golongan tertentu
  - IV Individu yang cukup syarat wajib membayar zakat
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 6 Apakah persamaan ciri Sistem Ekonomi Perancangan Pusat dengan Sistem Ekonomi Campuran?
- A Mengutamakan kebajikan masyarakat
  - B Wujud persaingan yang sihat antara pengeluar
  - C Sumber ekonomi dimiliki oleh semua masyarakat
  - D Tingkat harga barang dan perkhidmatan ditentukan oleh mekanisme harga
- 7 Antara berikut yang manakah betul tentang permintaan pasaran?
- A Diperoleh dengan menjumlahkan secara mendatar kuantiti diminta lebih dari seorang pengguna dalam pasaran
  - B Bentuk keluk permintaan pasaran lebih curam daripada keluk permintaan individu dalam pasaran
  - C Mempunyai hubungan langsung di antara harga dan kuantiti diminta dalam pasaran
  - D Perubahan kuantiti diminta individu tidak memberi kesan kepada kuantiti permintaan pasaran
- 8 Jadual 2 di bawah menunjukkan kaitan antara barang V, W, X dan Y.

SITUASI A	<b>Harga V</b>	<b>Kuantiti diminta W</b>	<b>Kuantiti diminta X</b>
	Meningkat	Menurun	Meningkat
SITUASI B	<b>Harga W</b>	<b>Kuantiti diminta X</b>	<b>Kuantiti diminta Y</b>
	Menurun	Meningkat	Menurun

Jadual 2

- Antara berikut yang manakah betul tentang kaitan barang W dengan barang V, X dan Y ?
- A W ialah pengganti bagi V dan penggenap bagi X
  - B W ialah penggenap bagi Y dan pengganti bagi X
  - C W ialah penggenap bagi V dan pengganti bagi Y
  - D W ialah pengganti bagi X dan penggenap bagi V

9. Rajah 1 di bawah menunjukkan perubahan dalam kuantiti ditawarkan dan perubahan penawaran.



Rajah 1

Antara berikut yang manakah betul?


	Rajah A	Rajah B
A	Dikenali sebagai perubahan penawaran	Dikenali sebagai perubahan dalam kuantiti ditawarkan
B	Berlaku pergerakan titik di sepanjang keluk penawaran	Berlaku peralihan keluk penawaran ke kiri
C	Harga mempengaruhi kuantiti ditawarkan	Faktor selain harga mempengaruhi kuantiti penawaran
D	Harga adalah tetap	Harga boleh berubah

- 10 Keratan akhbar di bawah mengenai dasar kerajaan.

**PUTRAJAYA: Program Subsidi Upah dilanjutkan selama sebulan bagi semua sektor ekonomi yang terkesan susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0, membabitkan kos RM1.5 bilion.**

*Sumber: Berita Harian Online*

Rajah yang manakah betul tentang kesan dasar tersebut terhadap pasaran keluaran tempatan?




11 Maklumat di bawah mengenai perubahan harga dan kuantiti permintaan Barang T.

Peratus Perubahan Harga	Peratus Perubahan Kuantiti
20	30

Antara berikut yang manakah betul tentang jenis keanjalan dan strategi untuk meningkatkan keuntungan bagi barang T?

	Jenis Keanjalan	Strategi Harga
A	Tak Anjal	Diturunkan
B	Anjal	Dinaikkan
C	Tak Anjal	Dinaikkan
D	Anjal	Diturunkan

- 12 Penawaran sesuatu barang menjadi tak anjal apabila
- I penambahan kuantiti memerlukan kos yang sangat besar
  - II dalam jangka masa panjang faktor pengeluaran mudah di ubah
  - III bilangan firma yang banyak di dalam pasaran
  - IV stok barang dalam simpanan sedikit
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 13 Rajah 2 di bawah menunjukkan kesan pengenaan cukai tak langsung terhadap pengguna dan pengeluar.



Rajah 2

Antara berikut yang manakah betul?

- I Beban cukai pengguna ialah kawasan  $P_0P_1E_1X$  dan beban cukai pengeluar ialah  $ZP_0XY$
  - II Beban cukai pengguna lebih kecil daripada beban cukai pengeluar
  - III Beban cukai pengeluar ialah kawasan  $P_0P_1E_1X$  dan beban cukai pengguna ialah  $ZP_0XY$
  - IV Beban cukai pengeluar lebih kecil daripada beban cukai pengguna
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 14 Apakah yang menyebabkan sesuatu komoditi itu boleh dijadikan sebagai wang?
- I Diterima umum
  - II Penawaran tidak terhad
  - III Nilai yang berubah-ubah
  - IV Mempunyai sifat tahan lama
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 15 Encik Adib membeli sebuah motosikal berharga RM5000. Apakah fungsi wang dalam situasi tersebut?
- A Alat ukuran nilai
  - B Alat simpanan nilai
  - C Alat bayaran tertunda
  - D Alat perantaraan pertukaran
- 16 Pernyataan manakah menunjukkan persamaan antara deposit tabungan dengan deposit semasa di bank perdagangan?
- I Disediakan buku akaun simpanan
  - II Pengeluaran wang pada bila-bila masa
  - III Kemudahan menggunakan kad ATM
  - IV Boleh memohon kemudahan overdraf
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 17 Maklumat berikut berkaitan dengan pendapatan individu.

*Pendapatan diterima tanpa memberi apa-apa sumbangan dalam ekonomi .*

Pendapatan manakah yang boleh dikaitkan dengan pernyataan diatas?

- I Upah
  - II Biasiswa Pendidikan
  - III Pencen pesara kerajaan
  - IV Keuntungan perniagaan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 18 Maklumat yang berikut berkaitan dengan pendapatan Puan Athirah pada tahun 2020.

<b><u>Pendapatan dan potongan</u></b>	<b><u>RM (Ringgit Malaysia)</u></b>
Gaji	18 000
Elaun perumahan	500
KWSP	11%
Insurans nyawa	400
Cukai pendapatan	150
Zakat	180

Hitungkan pendapatan boleh guna Puan Athirah.

- A RM 15 735  
 B RM 15 790  
 C RM 16 135  
 D RM 16 190
- 19 Antara yang berikut, yang manakah merupakan kelebihan kaedah pembelian barangan secara bayaran kredit?
- A Pengguna akan membayar harga yang lebih rendah  
 B Berlaku peningkatan dalam taraf hidup pengguna  
 C Menggalakkan pengguna berbelanja melebihi pendapatan  
 D Pengguna boleh menikmati diskaun harga yang lebih banyak
- 20 Jadual 3 di bawah menunjukkan fungsi pengeluaran jangka pendek.

<b>Bilangan Buruh (orang)</b>	<b>Jumlah Keluaran (unit)</b>
0	0
2	10
4	24
6	44
8	60

Jadual 3

Keluaran marginal mencapai tahap maksimum pada bilangan buruh

- A 2  
 B 4  
 C 6  
 D 8

- 21 Maklumat di bawah menunjukkan kos pengeluaran jangka pendek sebuah firma.

Jumlah Output	475 unit
Kos Berubah	RM1226

Berapakah kos purata jika kos tetap ialah RM524?

- A RM2.34  
 B RM2.58  
 C RM3.25  
 D RM3.68
- 22 En Samad seorang penternak ikan keli telah membekalkan 450 ekor ikan keli dengan harga RM2.00 seekor kepada Restoran Mas Ayu. Berikut adalah butir-butir perbelanjaan En Samad.

Butir-butir	RM
Makanan ikan	243
Bil air dan elektrik rumah sendiri	150
Pukat	95
Sewa tapak kolam	200

Hitung keuntungan yang diperoleh oleh En Samad.

- A 212  
 B 362  
 C 688  
 D 900
- 23 Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi peningkatan produktiviti?
- I Bilangan firma yang banyak dalam pasaran  
 II Pengeluaran dalam jangka masa panjang  
 III Penyelenggaraan kelengkapan modal dari semasa ke semasa  
 IV Pengkhususan diamalkan mengikut struktur organisasi
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV

- 24 Antara berikut yang manakah menerangkan peranan kerajaan?

- I Memaksimumkan kepuasan  
 II Memaksimumkan kebajikan masyarakat  
 III Meningkatkan kesejahteraan dan keharmonian negara  
 IV Memaksimumkan keuntungan dan kepuasan masyarakat
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV



- 25 Apakah objektif makroekonomi negara yang ingin dicapai oleh kerajaan?
- A KDNK meningkat
  - B Pertumbuhan ekonomi
  - C Imbangan pembayaran defisit
  - D Tingkat harga umum meningkat
- 26 Situasi manakah yang menyebabkan pengangguran kitaran.
- A Pekerja yang hilang pekerjaan kerana terlalu memilih pekerjaan
  - B Pekerja yang meletak jawatan untuk mengharapkan pekerjaan lain
  - C Pekerja yang hilang pekerjaan semasa kemelesetan ekonomi
  - D Pekerja yang menghadapi kekurangan kemahiran
- 27 Antara berikut yang manakah kesan inflasi terhadap pengguna?
- A Kuasa beli pengguna meningkat
  - B Pendapatan boleh guna menurun
  - C Taraf hidup pengguna meningkat
  - D Penawaran pasaran melebihi permintaan pasaran
- 28 Dasar fiskal menggalakkan pertumbuhan ekonomi melalui
- I Kenaikan cukai
  - II Penurunan cukai
  - III Pertambahan perbelanjaan kerajaan
  - IV Pengurangan perbelanjaan kerajaan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 29 Pernyataan yang manakah berkaitan dengan cukai tak langsung?
- A En. Ali membayar tambahan 6% cukai daripada jumlah harga makanan di restoran makanan segera
  - B Khairina Enterprise membayar 28% daripada jumlah keuntungan perniagaannya kepada kerajaan
  - C Puan Khatijah membayar duti setem apabila menandatangani surat perjanjian pembelian lot tanah
  - D Petronas membayar 15% daripada jumlah pendapatan syarikat kepada kerajaan

- 30 Jadual 4 di bawah menunjukkan anggaran hasil kerajaan persekutuan bagi tempoh satu tahun.

Sumber Hasil	RM (Juta)
Cukai pendapatan individu	12 335
Duti eksport	863
Lesen/permit	5 708
Cukai pendapatan koperasi	150
Duti import	2 355
Duti eksais	3 449

Jadual 4

Berapakah jumlah anggaran hasil kerajaan daripada cukai tidak langsung pada tahun tersebut?

- A RM 9 334 juta  
 B RM 8 725 juta  
 C RM 6 667 juta  
 D RM 5 567 juta
- 31 Bagaimanakah nisbah rizab berkanun boleh membantu menyelesaikan masalah semasa inflasi?
- A Menaikkan nisbah rizab berkanun  
 B Menurunkan nisbah rizab berkanun  
 C Menyimpan sedikit wang di bank pusat  
 D Memberi pinjaman kepada orang ramai
- 32 Apakah dorongan utama syarikat multinasional beroperasi di peringkat antarabangsa?
- A Meluaskan pasaran  
 B Keseimbangan agihan pendapatan  
 C Pindahan teknologi  
 D Memelihara alam sekitar
- 33 Semasa berlaku pandemik Covid-19, faktor yang manakah paling kurang memberi sumbangan dalam menggalakkan perkembangan globalisasi?
- A Peranan kerajaan  
 B Pelancongan  
 C Infrastruktur pengangkutan  
 D Infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi
- 34 Sekatan perdagangan yang manakah memberi kesan positif terhadap eksport Malaysia?
- A Tariff  
 B Subsidi  
 C Kuota  
 D Embargo

- 35 Malaysia dan Singapura merupakan anggota ASEAN. Apakah manfaat yang diperolehi oleh rakyat negeri Johor daripada hubungan kedua-dua negara sebagai anggota ASEAN.
- I Perkongsian sumber air
  - II Perkongsian sumber bahan mentah
  - III Mobiliti tenaga buruh
  - IV Peluang pekerjaan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 36 Antara berikut, situasi yang manakah betul tentang penggunaan harga belian dalam pengiraan kadar pertukaran RM.
- A Rakyat Malaysia berbelanja di atas talian platform e-Dagang yang berpangkalan di Amerika Syarikat
  - B Rakyat Malaysia yang melancong di Amerika Syarikat berbelanja di pusat membeli belah di sana.
  - C Rakyat Amerika Syarikat menerima bayaran daripada rakyat Malaysia kerana mengeksport barang ke Malaysia.
  - D Rakyat Amerika Syarikat membuat bayaran atas tempahan tiket kapal terbang syarikat penerbangan Malaysia.
- 37 Jadual 5 di bawah menunjukkan kadar pertukaran 1 Dolar Amerika Syarikat (USD) dengan Ringgit Malaysia (RM) pada bulan Jun 2021 berbanding Januari 2021.

Januari 2021	Jun 2021
RM4.04	RM4.11

Jadual 5

Antara berikut, pasangan yang manakah betul?

I	Nilai RM meningkat	Harga eksport lebih murah
II	Nilai eksport meningkat	Imbangan dagangan positif
III	Nilai RM menurun	Harga import lebih mahal
IV	Nilai import menurun	Imbangan dagangan negatif

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

**Soalan 38 hingga soalan 40** berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 38 I Buruh digunakan untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan  
II Contoh pendapatan daripada faktor pengeluaran buruh ialah pencen.
- 39 I Cukai tak langsung merupakan cukai yang bebannya tidak boleh dipindahkan kepada orang lain.  
II Duti import merupakan cukai tak langsung.
- 40 I Input tetap wujud semasa output sifar  
II Input tetap berubah dalam jangka panjang menjadi input berubah

KERTAS SOALAN TAMAT